

14 NOV 2002

Negara-Palestin

MALAYSIA LULUS RM2 JUTA BINA SEKOLAH DI PALESTIN

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah bersetuju meluluskan bantuan sebanyak 530,000 dolar AS (RM2.014 juta) bagi menampung sepenuhnya pembinaan sebuah sekolah di Wilayah Jenin, Palestin.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata, Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan dipertanggungjawab untuk menyelenggara dan mengawasi projek pembinaan sekolah itu.

"Projek ini masih di peringkat awal tender," katanya menjawab soalan Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Katanya, Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu Palestin dan akan terus memainkan peranan aktif dalam menyuarakan pendirian negara untuk menegakan keadilan bagi menuntut kebebasan dan kemerdekaan Palestin melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam.

Pemimpin negara juga mengemukakan pendirian Malaysia mengenai isu Palestin dalam pertemuan dua hala dengan rakan sejawat mereka dari negara asing, katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beberapa kali mengutus surat kepada pemimpin negara kuasa besar dunia termasuk Amerika Syarikat, Perancis dan Jerman, meminta pemimpin berkenaan menggunakan pengaruh dan tekanan mereka terhadap rejim Israel supaya menghentikan keganasan ketenteraan terhadap rakyat dan pemimpin Palestin.

Di peringkat PBB pula, Perwakilan Malaysia turut mengambil bahagian dalam menyuarakan pendapat mengenai isu Palestin, katanya.

Beliau juga berkata, Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang ditubuhkan oleh Kementerian Luar pada April lepas bagi mengumpul derma untuk membantu rakyat negara itu sehingga kini mengumpul sebanyak RM330,424.23 sen.

-- BERNAMA

RZS RZS HM